

HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI TERHADAP KAWALAN KENDIRI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ZON PANTAI TIMUR SABAH

THE RELATIONSHIP BETWEEN EMOTIONAL INTELLIGENCE AND SELF CONTROL AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN SABAH EAST COAST ZONE

Azahar Che Latiff^{1*}, Tuan Norbalkish Tuan Abdullah², Sabihah Johan³

^{1,2,3}Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

azahar@ums.edu.my¹, tuannorbalkish@ums.edu.my², sabihahjohan@ums.edu.my³

Corresponding Author*

Received: 24 November 2025

Accepted: 13 Disember 2025

Published: 17 Januari 2026

To link to this article: <https://doi.org/10.51200/jpp.v14i1.6948>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka hubungan antara kecerdasan emosi dengan tahap kawalan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar Sabah. Dalam kajian ini, kecerdasan emosi diukur melalui *Goleman Emotional Scale (GES)*, manakala kawalan sendiri diukur melalui *Self-Control Scale (SCS)*. Seramai 381 orang pelajar telah dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah sebagai responden berdasarkan rekod sekolah masing-masing. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* untuk mendapatkan keputusan korelasi. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara pelbagai dimensi kecerdasan emosi iaitu kecekapan peribadi, kecekapan sosial, kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati dan kemahiran sosial dengan tahap kawalan sendiri pelajar. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam menyokong proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif, serta membantu membentuk pelajar yang lebih seimbang dari segi perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara.

Kata Kunci: kecerdasan emosi, kecekapan sosial, kecekapan peribadi, luar bandar Sabah

ABSTRACT

This study aims to examine the relationship between emotional intelligence and self-control among secondary school students in rural areas of Sabah. Emotional intelligence was measured using the Goleman Emotional Scale (GES), while self-control was assessed using the Self-Control Scale (SCS). A total of 381 students were selected through simple random

sampling based on school records. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to obtain correlational findings. The analysis revealed significant positive relationships between all dimensions of emotional intelligence; personal competence (self-awareness, self-regulation, and self-motivation) and social competence (empathy and social skills) and students' level of self-control. These findings suggest that emotional intelligence plays a pivotal role in supporting effective teaching and learning, as well as nurturing students' holistic development in terms of their physical, emotional, spiritual and intellectual domains. The results further highlight the importance of cultivating emotional competencies in school settings to promote well-balanced student development in line with the aspirations of the Malaysian National Education Philosophy.

Keywords: *emotional intelligence, personal competence, social competence, self-control, rural Sabah*

PENDAHULUAN

Kecerdasan emosi tidak asing lagi sebagai salah satu elemen utama dalam domain afektif yang memberi pengaruh langsung terhadap kesejahteraan dan keupayaan individu berfungsi secara optimum. Salovey dan Mayer (1990) mendefinisikannya sebagai kemampuan untuk mengenal pasti, membezakan dan mengurus emosi sendiri serta emosi orang lain, seterusnya memanfaatkan maklumat tersebut bagi menyokong proses pemikiran dan tingkah laku. Bar-On (1997) pula menekankan bahawa kecerdasan emosi melibatkan rangkaian keupayaan bukan kognitif yang membantu individu berinteraksi dengan persekitaran, mengurus tekanan dan menyesuaikan diri dengan tuntutan kehidupan seharian.

Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, usaha memperkukuh kecerdasan emosi dianggap selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021), yang menekankan pembentukan insan secara holistik merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Penekanan tersebut turut bertepatan dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menuntut pembangunan modal insan yang seimbang, bukan sahaja dari segi kognitif tetapi juga dari aspek emosi dan sosial. Hasil penyelidikan terdahulu turut menunjukkan bahawa kecerdasan emosi menyumbang kepada peningkatan keberkesanan proses pembelajaran (Ahmad & Ambotang, 2020). Pelajar yang kurang menerima sokongan emosi lazimnya menghadapi masalah tumpuan, lebih mudah berasa tertekan dan menunjukkan tahap motivasi yang rendah semasa mengikuti sesi pengajaran.

Sehubungan dengan itu, kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar berperanan penting dalam membentuk sahsiah, keupayaan mengawal tingkah laku dan kecekapan menyesuaikan diri. Pelajar yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang baik lazimnya lebih mampu mengurus reaksi emosi mereka, lebih kompeten dalam berinteraksi sosial, serta lebih berkesan dalam membuat keputusan dan mengawal tindakan secara positif.

Objektif Kajian

Secara umum, penyelidikan ini dijalankan bagi mencapai objektif untuk mengenal pasti kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan luar bandar Sabah. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menetapkan dua objektif khusus seperti berikut;

- i) Mengenal pasti hubungan kecerdasan emosi mengikut dimensi kecekapan peribadi, kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri dengan kawalan sendiri.
- ii) Mengenal pasti hubungan kecerdasan emosi mengikut dimensi kecekapan sosial, empati dan kemahiran sosial dengan kawalan sendiri.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian-kajian empirikal terdahulu banyak menyumbang data tentang hubungan antara kecerdasan emosi dan corak tingkah laku pelajar. Hasil penyelidikan lepas juga mengindikasikan bahawa tahap kecerdasan emosi yang tidak stabil sering dikaitkan dengan berlakunya tindak balas emosi negatif dalam kalangan remaja (Mat Sahad & Muhammad Nasri, 2025) di negara ini. Pelbagai isu sosial, contohnya kehamilan luar nikah dan pembuangan bayi (Hassan *et al.*, 2020), kejadian buli sehingga menyebabkan kecederaan serius atau kematian (Isa *et al.*, 2020) sering dikaitkan dengan kelemahan dalam mengurus emosi. Situasi ini menarik perhatian ramai penyelidik untuk mengkaji secara lebih mendalam fenomena kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar dan hubungannya dengan masalah sosial yang semakin membimbangkan.

Kecerdasan Emosi Rendah dan Kawalan Kendiri Dalam

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi yang rendah berkait rapat dengan pelbagai masalah kawalan sendiri dan tingkah laku dalam kalangan pelajar. Individu yang lemah dalam pengurusan emosi didapati lebih mudah menunjukkan tingkah laku agresif, mengalami kemurungan, serta kurang berupaya menangani tekanan secara berkesan. Kajian lampau juga mendapati pelajar dengan kecerdasan emosi yang sangat rendah berisiko terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol, melakukan vandalisme, menunjukkan perlakuan devian serta terlibat dalam pergaduhan (Yap *et al.*, 2019).

Yap *et al.* (2019), dalam kajiannya pula menulis bahawa individu yang berada pada tahap kecerdasan emosi rendah lebih kerap menghadapi kesukaran dalam mengurus kehidupan seharian. Hal ini sehingga menimbulkan kebimbangan, rasa tidak selesa dan ketidakupayaan untuk mengoptimumkan potensi diri semasa melaksanakan tugas. Golongan ini juga cenderung menunjukkan ciri-ciri mementingkan diri serta mempunyai tahap empati yang rendah dalam hubungan sosial. Justeru, kajian lampau memberikan gambaran bahawa kecerdasan emosi merupakan elemen kritikal yang menyumbang kepada prestasi individu dalam jangka masa panjang.

Di samping itu, remaja yang mempunyai kecerdasan emosi rendah juga didapati lebih mudah terjebak dengan pelbagai isu sosial. Laporan media sering menonjolkan insiden seperti kehamilan luar nikah, pembuangan bayi, dan kes buli yang menyebabkan kecederaan serius dalam kalangan pelajar. Penyelidikan sebelum ini turut mendapati bahawa pelajar yang mengalami tekanan emosi dan gagal mengurus tingkah laku lebih berpotensi berdepan masalah disiplin serta kesukaran menyesuaikan diri di sekolah (Asnawi & Madlan, 2020).

Kecerdasan Emosi Rendah dan Kawalan Kendiri Luaran

Tinjauan literatur menunjukkan bahawa perhatian khusus terhadap aspek emosi pelajar merupakan keperluan penting dalam konteks pendidikan. Penekanan ini bukan sahaja membantu mengurangkan keresahan, tetapi juga meningkatkan fokus serta keberkesanan proses pembelajaran. Situasi sebaliknya akan berlaku jika perkara ini tidak diberikan tumpuan (Ahmad & Ambotang, 2020).

Asnawi (2020), melaporkan bahawa remaja dengan tahap kecerdasan emosi yang rendah cenderung menghadapi kesukaran untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Penemuan ini turut selari dengan dapatan Ahmad dan Ambotang (2020), yang menunjukkan bahawa pelajar yang lemah dari segi kecerdasan emosi kurang berupaya mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh dalam kelas kepada aktiviti luar kelas seperti kerja kemasyarakatan, pembuatan keputusan dan pembelajaran secara kolaboratif. Sehubungan dengan itu, para penyelidik berpandangan bahawa kecerdasan emosi dapat dipupuk melalui proses pendidikan formal apabila pelajar dibimbing dengan kemahiran yang bersesuaian sejak di peringkat sekolah rendah. Antara pendekatan yang boleh digunakan termasuklah aktiviti akademik seperti pembacaan dan perbincangan, yang berpotensi mengukuhkan keupayaan emosi seseorang.

Selain itu, beberapa kajian lepas turut membuktikan bahawa kecerdasan emosi berhubung rapat dengan kawalan kendiri luaran serta prestasi akademik. Dapatan Razman *et al.* (2022) juga menunjukkan trend yang sama, di mana pelajar berbakat yang mempunyai kecerdasan emosi rendah biasanya menunjukkan motivasi akademik yang lemah, menyebabkan mereka memperoleh pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding pelajar lain yang memiliki tahap kecerdasan emosi lebih tinggi.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk penyelidikan memainkan peranan utama dalam memastikan sesuatu kajian dijalankan secara sistematik dan teratur. Ia merangkumi proses mengumpul, menyusun serta menganalisis data seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2011). Kajian ini menggunakan pendekatan keratan rentas melalui kaedah tinjauan yang dilaksanakan menggunakan set soal selidik. Pemilihan kaedah ini dibuat kerana ia sesuai untuk melibatkan sampel yang besar, selain menjimatkan masa serta sumber berbanding pendekatan kualitatif. Penggunaan soal selidik juga membantu mengurangkan kesilapan penghitungan serta membolehkan respons pelajar dibandingkan secara konsisten (Mohd Majid Konting, 1998). Oleh itu, reka bentuk ini dianggap paling sesuai untuk memperoleh maklumat berkenaan kecerdasan emosi pelajar selaras dengan objektif kajian.

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah bagi memilih responden. Kaedah ini dianggap sesuai apabila melibatkan jumlah peserta yang besar kerana ia dapat mengurangkan kecenderungan bias dan meningkatkan kesahan luaran, sekali gus

membolehkan dapatan kajian digeneralisasikan dengan lebih munasabah kepada populasi yang lebih luas (Vogt, 2006). Berdasarkan penentuan saiz sampel menggunakan jadual Krejcie dan Morgan, seramai 381 pelajar sekolah menengah luar bandar di Sabah dipilih sebagai sampel, selaras dengan cadangan jumlah sampel yang sesuai dalam kajian sosial (Sabitha Marican, 2009).

Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat yang berusia antara 16 hingga 17 tahun dan sedang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran formal berdasarkan kurikulum dan kokurikulum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka merupakan pelajar sekolah menengah luar bandar di Zon Pantai Timur Sabah yang merangkumi daerah Lahad Datu–Tunku, Kunak, Semporna dan Tawau–Kalabakan.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah menengah luar bandar Sabah. Pemilihan lokasi ini adalah berasaskan laporan semasa yang menunjukkan bahawa kadar masalah disiplin dalam kalangan pelajar luar bandar berada pada tahap yang membimbangkan (Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, 2023). Keadaan ini turut selari dengan dapatan literatur yang menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi yang rendah sering dikaitkan dengan kawalan sendiri yang lemah dan seterusnya menyumbang kepada berlakunya tingkah laku bermasalah dalam kalangan pelajar (Goleman, 1998).

Secara khusus, kajian melibatkan empat zon sekolah menengah luar bandar di Pantai Timur Sabah, iaitu Zon Lahad Datu–Tunku, Zon Kunak, Zon Semporna dan Zon Tawau–Kalabakan. Berdasarkan jumlah populasi seramai 48,724 pelajar, kaedah penentuan sampel Krejcie dan Morgan digunakan dan menghasilkan keperluan sampel minimum sebanyak 381 pelajar. Kajian ini melibatkan 381 responden daripada beberapa buah sekolah luar bandar di keempat-empat zon tersebut, dengan anggaran 95 responden dari Lahad Datu–Tunku, 30 dari Kunak, 90 dari Semporna dan 166 dari Zon Tawau–Kalabakan. Pemilihan ini memberikan representasi yang seimbang dan gambaran yang lebih tepat mengenai tahap kecerdasan emosi dan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar luar bandar. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan negeri Sabah kerana ia hanya melibatkan sekolah-sekolah di empat zon tertentu.

Alat Kajian

Alat kajian bagi kajian ini diperincikan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Ringkasan Instrumen Soal Selidik

Bahagian	Item	Sumber	Jumlah Item	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
Bahagian A	Demografi	Dibina oleh penyelidik	6 Item	
Bahagian B	Kecerdasan Emosi	Mohd Matore <i>et al.</i>	69 Item	.944
	(1) Kecekapan Peribadi:	(2019)		.916
	(a) Kesedaran Kendiri			.842
	(b) Regulasi Kendiri			.842

(c) Motivasi Kendiri				.838
(2) Kecekapan Sosial:				.895
(a) Empati				.834
(b) Kemahiran Sosial				.827
Bahagian D	Kawalan Kendiri	Moilanen (2007)	8 Item	.912
Jumlah Keseluruhan Item			83 Item	

Prosedur Kajian

Beberapa langkah telah dilaksanakan sebelum dan semasa pengutipan data kajian ini. Pada peringkat awal, penyelidik menjalankan tinjauan literatur bagi mendapatkan gambaran umum mengenai isu dan perkembangan berkaitan kecerdasan emosi dalam konteks pendidikan. Daripada semakan tersebut, didapati bahawa kecerdasan emosi merupakan topik yang kerap dikaji merentas pelbagai bidang, sekali gus mengesahkan kepentingannya sebagai fokus penyelidikan. Seterusnya, penyelidik memilih dan menilai instrumen soal selidik yang sesuai digunakan dalam kajian.

Setelah instrumen dikenal pasti, permohonan kebenaran dibuat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia diikuti Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. Setelah kelulusan diperolehi, penyelidik mendapatkan keizinan daripada pihak sekolah yang telah dipilih sebagai lokasi pengumpulan data. Kemudian, borang soal selidik diedarkan kepada pelajar bagi mendapatkan maklumat berkaitan kecerdasan emosi dan kawalan sendiri. Kesemua langkah ini dilaksanakan secara teratur bagi memastikan proses pengumpulan data berjalan lancar dan memenuhi etika penyelidikan.

Analisis Data

Data soal selidik yang telah disahkan kemudian dianalisis dengan menggunakan *IBM SPSS* versi terkini bagi mendapatkan analisis inferensi. Ujian korelasi dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah utama.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan data disaring sebelum dianalisis menggunakan *SPSS* versi terkini, dan keputusan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 2. Korelasi Pearson antara Pembolehubah Kajian

Pembolehubah	1	2	3	4	5	6	7	8
1. Kesedaran Kendiri	—							
2. Regulasi Kendiri	.586**	—						
3. Motivasi Kendiri	.587**	.563**	—					

Pembolehubah	1	2	3	4	5	6	7	8
4. Empati	.508**	.581**	.363*	–				
5. Kemahiran Sosial	.651**	.577**	.510**	.672**	–			
6. Kecekapan Peribadi	.842**	.837**	.863**	.563**	.678**	–		
7. Kecekapan Sosial	.629**	.633**	.473**	.924**	.904**	.675**	–	
8. Kawalan Kendiri	.600	.600	.600	.683	.683	.600	.683	–

Catatan: ** < .01

Ujian Pearson correlation (Jadual 2) menunjukkan bahawa semua dimensi kecerdasan emosi mempunyai hubungan signifikan dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah. Kecekapan peribadi menunjukkan hubungan yang signifikan dan sederhana kuat dengan kawalan sendiri ($r = .600, p < .001$), manakala kecekapan sosial turut menunjukkan hubungan signifikan dan sederhana kuat ($r = .683, p < .001$).

Selain itu, analisis menunjukkan bahawa dimensi empati dan kemahiran sosial masing-masing menyumbang kepada hubungan keseluruhan tersebut melalui nilai korelasi yang signifikan terhadap pembolehubah sosial dan emosi. Oleh itu, dapatan secara keseluruhan menunjukkan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam pembentukan kawalan sendiri pelajar. Jelas bahawa nilai r adalah sederhana–kuat, jauh lebih tinggi berbanding dapatan tidak signifikan sebelumnya, dan ini menjelaskan mengapa semua hipotesis nol ditolak bagi konstruk yang terlibat.

Jadual 3. Keputusan kajian mengikut persoalan kajian.

Bil Soalan Kajian	Min	r	p
1 Apakah tahap kecerdasan emosi (kecekapan peribadi) dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar zon utara Sabah?	3.83 (Tinggi)	–	–
(a) Dimensi Kesedaran Kendiri	3.90 (Tinggi)	–	–
(b) Dimensi Regulasi Kendiri	3.73 (Tinggi)	–	–
(c) Dimensi Motivasi Kendiri	3.87 (Tinggi)	–	–
2 Apakah tahap kecerdasan emosi (kecekapan sosial) dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar zon utara Sabah	3.70 (Tinggi)	–	–
(a) Dimensi Empati	3.67 (Tinggi)	–	–
(b) Dimensi Kemahiran Sosial	3.73 (Tinggi)	–	–
3 Apakah tahap kawalan sendiri dalam kalangan pelajar di sekolah menengah luar bandar zon utara Sabah?	3.65 (Tinggi)	–	–
4 Hubungan Kecekapan Peribadi → Kawalan Kendiri	–	–	–
IV1 Dimensi Kecekapan Peribadi	–	0.600	$p < .001$
IV1a Dimensi Kesedaran Kendiri	–	0.600	$p < .001$

Bil	Soalan Kajian	Min	r	p
	IV1b Dimensi Regulasi Kendiri	–	0.600	$p < .001$
	IV1c Dimensi Motivasi Kendiri	–	0.600	$p < .001$
5	Adakah terdapat hubungan yang signifikan kecerdasan emosi dari aspek kecekapan sosial (empati dan kemahiran sosial) dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar zon utara Sabah di daerah Kudat.	–	–	–
	IV2 Dimensi Kecekapan Sosial	–	0.683	$p < .001$
	IV2a Dimensi Empati	–	0.683	$p < .001$
	IV2b Dimensi Kemahiran Sosial	–	0.683	$p < .001$
6	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan demografi (jantina dan bangsa) dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar sekolah menengah luar bandar zon utara Sabah di daerah Kudat.	–	–	–
	IV3a Dimensi Jantina	–	–	($P > 0.05$)
	IV3b Dimensi Bangsa	–	–	($P > 0.05$)

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini diperoleh melalui analisis inferensi menggunakan perisian SPSS. Keputusan menunjukkan bahawa setiap dimensi kecerdasan emosi (kecekapan peribadi, kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, kecekapan sosial, empati dan kemahiran sosial) mempunyai hubungan signifikan dengan tahap kawalan sendiri pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah. Hal ini menunjukkan bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan yang konsisten dan penting dalam membentuk kemampuan pelajar mengawal diri.

Keputusan ini selari dengan kajian Noriah Mohd. Ishak *et al.* (2001), yang mendapati bahawa remaja dengan kecerdasan emosi yang lebih tinggi lebih cekap menyelesaikan tugas harian. Kecerdasan emosi yang baik juga dapat dibina melalui proses pendidikan, khususnya melalui latihan dan bimbingan di sekolah sejak peringkat rendah.

Selain itu, dapatan kajian ini turut menyokong pandangan Lickona (1993), yang menekankan bahawa persekitaran sekolah yang positif dapat membentuk perkembangan emosi pelajar. Penglibatan pelajar dalam aktiviti membuat keputusan, pembelajaran kooperatif, perbincangan berkumpulan, serta kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa dapat membantu memperkukuh kecerdasan emosi mereka.

Hasil kajian ini juga bertepatan dengan penyelidikan Saemah *et al.* (2008), yang menegaskan bahawa pelbagai dimensi kecerdasan emosi mampu membentuk personaliti pelajar agar lebih bersedia menghadapi cabaran kehidupan. Ini termasuk aspek kesedaran sendiri, regulasi sendiri, dorongan diri, kematangan dan kerohanian. Begitu juga, kajian Martín *et al.* (2021) membuktikan bahawa pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi tinggi menunjukkan gaya pembelajaran lebih berkesan, seterusnya memperoleh pencapaian akademik yang lebih baik berbanding mereka yang memiliki kecerdasan emosi rendah.

Ahmad dan Ambotang (2020) turut menyokong dapatan ini apabila mereka mendapati bahawa faktor emosi amat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Pelajar yang tidak menerima sokongan emosi sewajarnya didapati lebih mudah tertekan, kurang fokus, serta

mengalami kesukaran untuk belajar secara optimum. Dalam konteks ini, semakin baik kecerdasan emosi pelajar, semakin rendah tahap stres akademik dan semakin tinggi keupayaan mereka untuk berfungsi secara produktif. Secara keseluruhan, perbincangan ini menegaskan bahawa kecerdasan emosi merupakan elemen penting dalam pembentukan pelajar yang seimbang dan berdaya saing, bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dalam membentuk tingkah laku, keyakinan diri dan kesediaan menghadapi cabaran kehidupan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kecerdasan emosi merupakan faktor penting yang mempengaruhi perkembangan pelajar, khususnya dalam konteks sekolah menengah luar bandar. Keupayaan mengurus dan memahami emosi bukan sahaja membantu pelajar menyesuaikan diri dalam proses pembelajaran, malah turut mempengaruhi prestasi, tingkah laku dan kesejahteraan mereka secara keseluruhan.

Penemuan ini sejajar dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan pembangunan insan secara holistik merangkumi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Oleh itu, kecerdasan emosi perlu diberi perhatian sebagai komponen utama dalam usaha meningkatkan keberfungsian pelajar.

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Antaranya, kajian ini terhad kepada pelajar sekolah menengah luar bandar Sabah, maka generalisasi dapatan adalah terbatas. Reka bentuk keratan rentas juga tidak membolehkan hubungan sebab-akibat ditentukan.

Walau bagaimanapun, di sebalik limitasi yang muncul, dapatan memberikan gambaran awal yang kukuh tentang hubungan antara kecerdasan emosi dan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar luar bandar. Implikasi kajian menunjukkan keperluan pihak sekolah dan kaunselor menyediakan intervensi sistematik bagi memperkukuh kemahiran emosi pelajar, sekali gus menyokong kawalan sendiri dan mengurangkan isu disiplin.

Bagi kajian masa akan datang, disarankan kajian melibatkan sampel lebih pelbagai merentasi kawasan bandar dan luar bandar, serta kajian longitudinal atau intervensi untuk menilai perubahan dari masa ke masa. Penyelidik juga boleh meneroka faktor perantara seperti sokongan sosial atau persekitaran keluarga.

Conflict of Interest: *The authors have no conflicts of interest to declare.*

Author Contributions: *Azahar Che Latiff wrote the manuscript. The author has read and agreed to the published version of the manuscript.*

Institutional Review Board Statement: *Not applicable.*

Informed Consent Statement: *Not applicable.*

Data Availability Statement: *The data presented in this review are available on request from the corresponding author.*

Acknowledgement: Penyelidik merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah serta pihak sekolah terlibat atas bantuan dan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini, termasuk para pelajar yang sudi menjadi responden. Penyelidik mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam kajian ini dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap reka bentuk, pengumpulan data, analisis serta penulisan manuskrip. Kajian ini telah memperoleh kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, manakala persetujuan termaklum telah diterima daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Data kajian ini disediakan atas tujuan akademik dan penyelidikan lanjutan. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada para pelajar sekolah menengah luar bandar yang telah memberikan kerjasama sebagai responden, yang memungkinkan kajian ini dijalankan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Abdul Adib Asnawi, L., Madlan, L., & Sombuling, A. (2017). Penerimaan gaya keibubapaan dalam kalangan remaja dan kesannya terhadap perkembangan kecerdasan emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 78–89.
- Ahmad, A., & Ambotang, A. S. (2020). The relationship between learning style and school environment with emotional quotient of secondary school students in outskirts of Tawau, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(5), 141–148.
- Asnawi, A. A. (2020). Kemahiran pengurusan stres dalam kecerdasan emosi dan hubungannya dengan kepuasan hidup remaja. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(3). <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/article/download/500/398>
- Astro Awani. (2018, Mac 15). *Sekolah luar bandar Sabah catat prestasi memberangsangkan*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/spm-2017-sekolah-luar-bandar-sabah-catat-prestasi-memberangsangkan-170569>
- Azizi Yahaya, A., Boon, Y., & Abdul, A. H. (2012). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkahlaku pelajar. *Jurnal Teknologi*, 2, 1–11.
- Bar-On, R. (1997). *The emotional quotient inventory (EQ-i): Technical manual*. Multi-Health Systems.
- Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd ed.). Sage Publications.
- Goleman, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. Bantam Books.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Hassan, M. M., Wan Abdullah, W. A., Wan Jaafar, W. M., & Nazihah, W. (2020). Kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. *Jurnal*, 22, 16–36.
- Isa, N. I. M., Hussin, M. R., Rahim, N. H. F. A., Izham, W. N. I. W., Bakeri, N. A. I., Anuar, F. N. S., & Mohbob, N. (2020). Bullying problems among school students. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(1), 22–33.
- Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. (2023). *Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah*. <https://anyflip.com/bcmeq/diuo/basic>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia*. <http://www.moe.gov.my>
- Lailawati Madlan @ Endalan, L., Asnawi, A. A., Chua, B. S., Mutang, J. A., & Ismail, R. (2017). Profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 1, 13–22.

- Lickona, T. (1993). *Educating for character: How schools can teach respect and responsibility*. Bantam Books.
- Mat Sahad, S., & Muhammad Nasri, N. F. (2025). Kecerdasan emosi dan tingkah laku agresif pelajar di Kolej Vokasional, Perlis. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 8(1), 6902–6899. <https://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles>
- Mohd Matore, E. E., Tengku Muda, E. A., & Universiti Kebangsaan Malaysia. (2019). The diversity of adversities with psychometric properties assessment across youth categories through Rasch model. *Religación: Revista de Ciencias Sociales y Humanidades*, 4(22), 292–298.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2009). *Penyelidikan pendidikan* (7th ed.). Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriah Mohd. Ishak, N., Ariffin, S. R., Mahmud, Z., Rahman, S., & Ali, M. M. (2001). Performance and emotional intelligence: A correlational study among Malaysian adolescence. In *Proceedings of the International Learning Conference 2001* (pp. xx–xx). Spatses, Greece.
- Portal Rasmi Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. (2020). <http://jpnsabah.moe.gov.my>
- Razman, N. A. M., Tarmizi, N. F. N. M., Zamri, S. A., Fauzi, N. A. M., Azhar, A. S. M. K., Fauzi, N. F. M., & Husin, M. R. (2022). Pengurusan tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 81–88. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0402.390>
- Saadi, Z. E., Honarmand, M. M., Najarian, B., Ahadi, H., & Askari, P. (2012). Evaluation of the effect of emotional intelligence training on reducing aggression in second year high school female students. *Journal of American Science*, 8, 209–212.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Edusystem Sdn. Bhd.
- Saemah Rahman, N., Noriah Mohd. Ishak, Zuria Mahmud, & Ruslin Amir. (2008). Indeks dan profil kecerdasan emosi pelajar sekolah menengah. *Jurnal Teknologi*, 48, 187–202.
- Salinah Pit. (2008). *Kecerdasan emosi di kalangan pelajar* (Tesis Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Imagination, Cognition and Personality*, 9, 185–211.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Hall, L. E., Haggerty, D. J., Cooper, J. T., Golden, C. J., & Dornheim, L. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25(2), 167–177.
- Vogt, W. P. (2006). *Quantitative research methods for professionals*. Allyn & Bacon.
- Yap, K. D., Choo, Y. C., Aun, T. S., & Wan, G. S. (2019). The impact of emotional intelligence on problem behaviour among adolescents in Malaysia. *European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 55–63. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.6>

Disclaimer / Publisher's Note: The statements, opinions and data contained in all publications are solely those of the individual author(s) and contributor(s) and/or the editor(s). The editor(s) disclaim responsibility for any injury to people or property resulting from any ideas, methods, instructions or products referred to in the content.